

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(KULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.04.2018

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi selepas Kerajaan memansuhkan 4 tol pada awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya Kerajaan dan syarikat konsesi yang terlibat masih di peringkat rundingan akhir untuk memuktamadkan jumlah pampasan disebabkan syarikat konsesi kehilangan suatu jumlah hasil sebelum tamat tempoh konsesi tersebut. Ketika ini, cadangan pampasan kepada PLUS untuk tiga tol yang terlibat adalah dianggarkan berjumlah RM2.341 bilion (*present*

value) untuk baki 20 tahun tempoh konsesi. Manakala untuk konsesi Eastern Dispersal Link (EDL), pihak syarikat dan pemegang sukuk masih berunding sebelum dapat dikemukakan kepada Kerajaan untuk rundingan selanjutnya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keempat-empat tol iaitu tol Batu Tiga, Sungai Rasau di Selangor dan Bukit Kayu Hitam di Kedah dan EDL di Johor Bahru telah diserahkan hak penyelenggaraannya kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) mulai 1 Januari 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)**

TARIKH : 5 APRIL 2018

RUJUKAN : 10747

SOALAN :

PR-1361-L04786

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dasar Kerajaan tentang pelarian-pelarian politik yang berlindung di negara kita, khususnya kes kumpulan Uighur yang di tuntutan oleh Kerajaan Republik China.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia tidak menandatangani dan bukan ahli kepada Konvensyen berkaitan Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf pelarian politik. Pelarian ke Malaysia dianggap sebagai warga asing yang tertakluk kepada undang-undang negara yang berkuatkuasa seperti bawah Akta Imigresen 1959/63).

Permintaan Ekstradisi adalah permintaan bagi mengekstradisi penjenayah buruan (*fugitive criminal*) dan tertakluk kepada syarat-syarat Akta Ekstradisi 1992. Kesalahan-kesalahan yang boleh diekstradisi hendaklah memenuhi prinsip *dual criminality* iaitu kesalahan yang dilakukan oleh *fugitive criminal* yang mempunyai *jurisdiction* di bawah undang-undang kedua-dua negara iaitu *requesting state* dan *requested state*. Kesalahan tersebut juga hendaklah dikenakan sekurang-kurangnya hukuman penjara 1 tahun.

Kerajaan berhak menolak permintaan ekstradisi atas kesalahan yang tidak memenuhi *dual criminality*, kesalahan yang bersifat politik dan suatu penindasan/penyeksaan (*torture*) berlaku dengan memulangkan orang tersebut kepada *requesting state*. Bagi kes pelarian Uighur, Kerajaan menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Ekstradisi 1992 dan Akta Imigresen 1959/63.